

19/07/2002

Malaysia laksana tuntutan agama promosi Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia diakui sebagai sebuah negara contoh kepada negara-negara Islam lain kerana pembangunannya yang pesat dan pada masa yang sama usaha negara ini dalam mempromosikan Islam.

Pengiktirafan ini dibuat beberapa peserta dari pelbagai negara yang menghadiri Kuala Lumpur Forum Antarabangsa mengenai Islam (Kalif), yang akan bermula esok sehingga Ahad ini.

Prof Madya dalam Falsafah dan Pengajian Islam, Universiti Virginia Komanwel dari Amerika Syarikat, Dr Amina Wadud, berkata Malaysia adalah sebuah negara yang mempromosikan nilai Islam dalam pelbagai bidang kehidupan.

"Saya tidak dapat nyatakan sama ada negara ini adalah negara Islam atau sebaliknya kerana penafsiran negara Islam adalah berbeza-beza, tetapi sekurang-kurangnya Malaysia mempromosikan Islam.

"Usaha mempromosikan Islam bermakna melaksanakan nilai yang dituntut agama, walaupun nilai itu mungkin terbuka kepada tafsirannya tersendiri," katanya ketika ditemui di Hotel Sheraton Imperial di sini hari ini.

Kalif yang diilhamkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan diadakan di Hotel Sheraton.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikannya esok.

Dengan bertemakan "Islam dan Politik", ia akan menumpukan kepada perbincangan mengenai isu dan cabaran umat Islam di dunia kontemporari kini.

Mendalami dalam bidang Penafsiran Al-Quran, Amina akan menjadi salah seorang speaker bagi sesi bertajuk "Islam, Hak Asasi Manusia dan Demokrasi" pada hari Sabtu ini.

Beliau berkata, dalam sesi itu, beliau akan mencadangkan supaya wujud satu reformasi bagi pemahaman hak asasi manusia terutama bagi wanita Islam di seluruh dunia.

Ini kerana, katanya, hak wanita Islam masih lagi ditolak terutama dalam bidang politik, pendidikan, keluarga dan budaya, walaupun realitinya golongan ini menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara.

Mengenai pemahamannya dalam Hukum Hudud, beliau berkata, pelaksanaan hudud sebenarnya perlu dibuat selepas sesebuah negara itu mencapai perubahan radikal dalam menanam nilai-nilai Islam sebenarnya.

"Masyarakat perlu dididik dengan nilai Islam sebenarnya secara total terlebih dulu sebelum melaksanakan hukum hudud.

"Ini kerana sekiranya melaksanakan hukum itu sebelum berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai kepada Islam, ia adalah sesuatu yang melanggar hukum agama Islam itu sendiri," katanya.

Sementara itu wartawan dari Pakistan, Arif Jamal, berkata Malaysia adalah sebuah negara yang dipandang tinggi oleh negara Islam lain termasuk negaranya.

Beliau berkata, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan demokrasi dan mempunyai masyarakat yang dinamik dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

"Selain itu, keamanan yang dicapai negara ini walaupun mempunyai penduduk pelbagai agama dan bangsa, membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang patut dicontohi negara Islam lain," katanya.

Arif yang menulis dengan pelbagai organisasi media di Pakistan, baru-baru ini menyiapkan buku mengenai jihad di Kashmir dan sedang membuat

penyelidikan bagi buku keduanya mengenai Pendidikan Islam.